

Published by



Centre of Excellence (COE)

## **Perbankan Islam dan Impak Ekonomi Sebenar**

Oleh:

**MUHAMMAD ALI JINNAH AHMAD**

Ahli Jawatankuasa Syariah, Maybank Islamic Berhad  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif FWD Takaful Malaysia Berhad

Dalam struktur ekonomi moden di mana-mana negara di dunia, institusi perbankan memainkan peranan penting sebagai pengantara kewangan iaitu dengan menyalurkan dana simpanan dan dana yang belum digunakan untuk penggunaan yang lebih efisien. Penggunaan dana yang lebih efisien ini akan membantu masyarakat dan perniagaan untuk berkembang secara berterusan melalui idea baharu, penciptaan terkini dan pelaburan yang produktif. Satu soalan penting yang mengganggu pemikiran mereka yang mengambil berat terhadap perbankan Islam adalah peranan dan kesan perbankan Islam terhadap aktiviti ekonomi sebenar.

### **Objektif Perbankan Islam**

Objektif umum penubuhan perbankan Islam berkongsi objektif yang sama dengan sistem ekonomi Islam, iaitu untuk mewujudkan keadaan sosial yang adil di mana aspek material dan spriritual diimbangi bersama. Prinsip pertama adalah di mana pengharaman riba atau faedah dalam Al-Qur'an yang memerlukan umat Islam untuk menubuhkan perantara kewangan yang bebas dari riba bagi memenuhi keperluan perkhidmatan kewangan mereka. Oleh yang demikian, perbankan Islam bertindak sebagai perantara kewangan yang menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan patuh syariah serta patuh keperluan pengawalseliaan.

### **Perbankan Islam Dan Ekonomi Islam**

Perbankan Islam yang bersumberkan Al-Quran dan Al-Sunnah sememangnya menyumbang kepada impak positif ekonomi sebenar. Islam menjunjung nilai-nilai universal seperti keadilan, kesaksamaan, kejujuran, ketelusan, dan lain-lain. Kedua-dua rujukan utama umat Islam ini bukan sahaja secara umumnya menggariskan konsep nilai sejagat, tetapi ia juga memperkenalkan pengharaman unsur-unsur tertentu seperti riba, gharar (ketidakpastian), maysir (judi) dan apa-apa unsur larangan lain kerana wujudnya unsur yang boleh memudaratkan individu dan ekonomi. Apabila sesebuah bank Islam mendukung larangan tersebut, ia pada asasnya melindungi para pelanggan daripada ketidakadilan dan meningkatkan keupayaan untuk mereka terus menjadi sebahagian daripada ekosistem ekonomi.

Dalam Al-Qur'an (59:7) Allah SWT telah menyebut: *"Supaya ia tidak menjadi pembahagian yang berterusan di antara orang-orang kaya di antara kamu"*. Oleh itu, bank Islam sedang dalam usaha untuk memastikan penyediaan kewangan sosial Islam kepada masyarakat melalui beberapa instrumen seperti dana zakat, wakaf dan sedekah. Melalui skim ini, kemudahan yang

diberikan akan mengenakan caj keuntungan yang lebih rendah dan lebih mengetengahkan konsep mengutamakan pelanggan berbanding pembiayaan biasa. Ini kemudiannya akan memberi lebih banyak peluang kepada segmen yang kurang mendapat perkhidmatan untuk memohon kemudahan dan memenuhi keperluan kewangan mereka.

### **Perbankan Islam Dan Ekonomi Sebenar**

Perbankan Islam pada dasarnya tidak berperanan sebagai pengeluar langsung kepada ekonomi sebenar yang mengeluarkan barangan dan perkhidmatan kerana ia perlu bertindak mengikut mandat dan lesen yang diperoleh daripada bank pusat. Walau bagaimanapun, ini tidak semestinya bermakna perbankan Islam tidak memainkan peranan dalam memberi kesan ketara kepada ekonomi. Kesan sedemikian boleh dicapai melalui pengumpulan modal dan produktiviti modal. Pengumpulan modal dimulakan apabila sesebuah bank Islam menerima deposit daripada isi rumah dan firma. Ini kemudiannya akan meningkatkan kecairan bank di mana lebih banyak dana untuk pembiayaan akan disediakan, yang membawa kepada peningkatan dalam produktiviti modal. Antara pembolehubah yang boleh mewakili dan mengukur impak perbankan Islam terhadap ekonomi ialah jumlah pembiayaan dan deposit. Kedua-dua pembolehubah ini boleh memberi kesan kepada KDNK secara positif apabila terdapat peningkatan dalam simpanan dan deposit pelaburan di peringkat bank, lebih banyak dana tersedia untuk membiayai aktiviti ekonomi bagi mengembangkan pengeluaran dan produktiviti marginal modal.

### **Jumlah Pembiayaan Dan Deposit**

Pembiayaan dan deposit perbankan Islam didapati mempunyai pengaruh signifikan yang positif dan teguh terhadap ekonomi sebenar Malaysia dalam jangka masa panjang. Berdasarkan kajian yang dijalankan, 1% perubahan dalam jumlah pembiayaan menyumbang kepada peningkatan sebanyak 0.067% dalam ekonomi sebenar Malaysia. Di Malaysia, kedua-dua produk pembiayaan pengguna dan pelaburan sering dibiayai oleh bank Islam. Menurut Bank Negara Malaysia, Pembiayaan pengguna seperti pembiayaan kenderaan dan pembiayaan rumah berjumlah RM60.5 bilion pada akhir Disember 2019. Pembiayaan pengguna boleh memberi kesan secara tidak langsung kepada ekonomi kerana ia meningkatkan jumlah pengeluaran produk yang bank Islam sediakan pembiayaannya seperti sektor pengeluaran kenderaan, elektronik dan juga perumahan. Sementara itu, perubahan 1% dalam jumlah deposit menyebabkan peningkatan 0.62% dalam KDNK Malaysia. Peningkatan berkenaan amat memberangsangkan kerana ia boleh memberi impak yang ketara kepada ekonomi. Ini bermakna adalah penting untuk memastikan deposit sesebuah bank Islam digunakan secara berhemah untuk membiayai produk pembiayaan pengguna, pelaburan dan perniagaan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana, yang memberikan sumbangan besar kepada KDNK Malaysia.

### **Kajian Kesan Jangka Pendek**


Satu kajian telah dijalankan untuk menganggarkan kesan perbankan Islam terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan antara jumlah pembiayaan dengan jumlah deposit adalah tidak signifikan yang bermakna ia tidak memberi kesan terhadap KDNK Malaysia dalam jangka pendek. Ini mungkin disebabkan pergerakan

pengantaraan kewangan yang perlahan kerana dana yang didepositkan biasanya tidak diberikan dengan segera untuk pembiayaan. Ia mungkin dihimpunkan sebelum boleh digunakan untuk membiayai aktiviti ekonomi Malaysia. Selain itu ia juga mungkin disebabkan oleh sifat pembiayaan dan deposit di mana kebanyakan pembiayaan perbankan Islam digunakan untuk jangka masa panjang seperti pembiayaan perumahan, pembiayaan perdagangan/modal serta pembiayaan pendidikan. Sebagai contoh, buletin suku pertama Bank Negara Malaysia 2019 memperuntukkan bahawa, pada Disember 2018, pembiayaan perumahan mewakili 26.82% daripada RM572.62bn daripada jumlah pembiayaan oleh institusi-institusi perbankan Islam, dan deposit tetap tawarruq jangka panjang mewakili 65.2% daripada RM571.20 billion daripada jumlah deposit sektor tersebut. Sementara itu, sehingga Disember 2019, pembiayaan perumahan mewakili 29.83% daripada RM618.20 bilion daripada jumlah pembiayaan oleh sektor perbankan Islam, dan deposit tetap tawarruq jangka panjang mewakili 66.07% daripada RM617.10 bilion daripada jumlah deposit sektor tersebut.

Walaupun ahli ekonomi masih berdebat mengenai definisi ekonomi sebenar dan bagaimana sektor perbankan memberi kesan kepada ekonomi sebenar, artikel ini berpendapat bahawa sektor perbankan Islam memainkan peranan penting sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi sebenar. Pemikiran ekonomi dalam Islam tidak bergantung pada hubungan sebab musabab yang mana ekonomi neo klasik dianggap sebagai undang-undang objektif dan saintifik. Institusi perbankan Islam mesti terus menerajui industri kewangan Islam untuk merapatkan jurang dengan sektor patuh Syariah yang lain termasuk industri halal, perancangan kewangan dan sektor sosial Islam seperti zakat, waqaf dan sadaqah. Secara ringkasnya, sektor ekonomi sebenar memerlukan penyertaan dan sokongan daripada semua ejen ekonomi individu/isi rumah, firma, kerajaan serta sokongan daripada pengantara kewangan yang lain.

# PERBANKAN ISLAM DAN EKONOMI ISLAM

## NILAI-NILAI SEJAGAT



## UNSUR-UNSUR LARANGAN



## PERBANKAN ISLAM : IMPAK EKONOMI

### PERBANKAN ISLAM

#### PENDEPOSIT



Perubahan 1% dalam jumlah deposit menyebabkan peningkatan 0.62% dalam KDNK Malaysia

Penting untuk memastikan deposit bank Islam digunakan secara bijak untuk membiayai produk pengguna peribadi, pelaburan dan perniagaan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana



#### PELANGGAN PEMBIAYAAN



Perubahan 1% dalam jumlah pembiayaan menyebabkan peningkatan 0.067% dalam ekonomi Malaysia

Pembiayaan peribadi boleh memberi kesan terhadap ekonomi secara tidak langsung kerana ia meningkatkan jumlah pengeluaran produk yang bank Islam sediakan pembiayaan seperti kenderaan, elektronik dan juga perumahan



Untuk bacaan lanjut, sila layari :  
<https://www.maybank.com/islamic/en/coe/learning-centre/article.page>

Menginsankan Perkhidmatan Kewangan

Maybank Islamic